

15/10/2002

Dr M hargai khidmat pekerja awam

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam ini mengucapkan terima kasih kepada kakitangan awam yang berkhidmat dengan penuh tanggungjawab dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan mereka dan melicinkan urusan pentadbiran negara.

Perdana Menteri berkata, sektor awam adalah tulang belakang kepada pentadbiran yang berkesan dan menjadi faktor penentu terhadap masa depan negara dalam pelbagai aspek kerana kejayaan setiap dasar kerajaan bergantung kepada kecekapan kakitangannya.

"Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) diberi tugas memilih calon paling cekap untuk melaksanakan tugas tertentu dan mereka dapat wujudkan pentadbiran yang cekap, malah khidmat mereka juga dimanfaatkan negara membangun lain untuk melatih sektor awam masing-masing.

"Tugas kakitangan awam juga kini semakin mencabar seiring dengan peningkatan bajet negara kerana kini mereka bertanggungjawab terhadap penggunaan kira-kira RM30 bilion setiap tahun berbanding hanya beberapa ratus juta pada tahun-tahun sebelumnya.

"Saya amat menghargai kakitangan awam dan kesatuan sekerja seperti Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) kerana sedia berbincang bagi menyelesaikan sebarang masalah dan sejak 20 tahun lalu, JPA tidak menghadapi masalah yang serius seperti mogok pekerja," katanya berucap pada majlis makan malam JPA 2002 bertema Jasamu Dikenang Baktimu Dijulang di sini, malam ini.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman dan Ketua Pengarah JPA, Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri.

Dr Mahathir berkata, JPA tidak banyak melakukan kesilapan dari segi memilih kakitangannya dan ini dapat menentukan segala urusan pentadbiran negara berjalan lancar walaupun hakikatnya jentera kerajaan yang sebegitu besar (sejuta kakitangan awam) tidak mudah diuruskan.

Perdana Menteri juga menggesa kakitangan awam memanfaatkan sepenuhnya skim Sistem Saraan Malaysia (SSM), yang menentukan kenaikan pangkat atau penambahan gaji berdasarkan mutu kerja, dengan melipatgandakan komitmen terhadap kerjaya masing-masing.

Katanya, kerajaan tidak boleh memuaskan hati semua pihak dalam isu pemberian gaji kerana akan ada yang membezakan pendapatan dengan rakan sekerja mereka dan menyuarakan rasa kurang senang kerana perbezaan tangga gaji tidak jauh walaupun rakannya itu masih baru.

"Hakikatnya, JPA mempunyai tugas berat dalam menentukan kenaikan gaji kerana tidak mungkin semua permintaan dapat dipenuhi tetapi pada masa yang sama, tiada kakitangan memiliki mutu kerja yang baik ketinggalan daripada menerima imbuhan yang setimpal.

"Tetapi, berdasarkan cadangan JPA setakat ini, yang dilakukan selepas rundingan dengan Cuepacs, kerajaan berpuas hati kerana dapat penuhi tuntutan kesatuan dan pekerja," katanya.

Dr Mahathir meminta kakitangan awam tidak mempertikaikan pemberian biasiswa JPA kerana proses pemilihannya perlu teliti bagi memilih calon yang benar-benar layak, termasuk dari segi kelulusan dan mutu kerja.